

HCTM jadi hospital pertama miliki sistem TLA



Prof Raymond Azman (dua dari kanan) meneliti sistem TLA ketika majlis pelancarannya di HCTM, baru-baru ini.

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencipta sejarah apabila menjadi hospital pertama di negara ini yang memiliki sistem makmal

automasi penuh (TLA) bagi memudahkan proses mendiagnosis sampel dengan lebih selamat dan pantas. Pengarah HCTM, Prof Datuk Dr Raymond Azman Ali, berkata sistem berkenaan memendekkan masa sehingga

30 peratus untuk melakukan pelbagai analisis diagnostik di samping menyediakan persekitaran kerja lebih selamat dan kondusif. Katanya, operasi TLA turut mengurangkan kebarangkalian kakitangan makmal dan

juruteknik terdedah kepada risiko kesihatan kerana mereka kurang melakukan kerja-kerja tangan dalam sampel ujian.

"TLA yang ditempatkan di Unit Patologi Kimia adalah sistem pertama seumpamanya di Malaysia dan kini menjadi pusat rujukan bagi makmal lain yang merancang untuk membentuk sistem sama untuk kegunaan sendiri.

Diagnosis sampel

"Sebelum ini, proses menganalisis dan mendiagnosis sampel menjadi agak berbahaya, lambat atau berlaku kesilapan sehingga boleh mengakibatkan kecederaan atau kemalangan. Inilah risiko yang boleh dikurangkan apabila TLA diperkenalkan," katanya ketika melancarkan sistem tersebut di sini, baru-baru ini.

Prof Raymond berkata, TLA adalah projek kerjasama antara HCTM dengan Abbot Diagnostics di Amerika Syarikat menerusi wakilnya di Malaysia, Abbot Laboratories.

Sementara itu, Ketua Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik HCTM, Dr Hanita Othman, berkata kerja memadamkan sampel kepada pesakit sangat penting dan mustahak serta perlu dikenalpastikan dengan baik.

"Satu daripada kesalahan yang biasa berlaku adalah diagnosis tidak tepat akibat salah pelabelan sampel tisu. Untuk mengenal pasti sampel awal dalam proses, pengekodan bar dan perisian untuk

"SISTEM TLA YANG DILIHAT BOLEH MENGHAPUSKAN KESILAPAN INI SUDAH PASTI MEMBERI KELEGAAN BUKAN SAJA KEPADA KAKITANGAN YANG TERBABIT DALAM PROSES PERSAMPelan, TETAPI JUGA PESAKIT**"**

Dr Hanita Othman,
Ketua Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik HCTM

mengenal pasti spesimen boleh mengurangkan risiko diagnosis salah.

"Sehubungan dengan itu, sistem TLA yang dilihat boleh menghapuskan kesilapan-kesilapan ini sudah pasti memberi kelegaan besar bukan saja kepada kakitangan yang terbabit dalam proses persampelan, tetapi juga pesakit sendiri," katanya.